

ATURAN-ATURAN TETAP MESYUARAT AGUNG KAWASAN

KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BHD

ATURAN-ATURAN TETAP MESYUARAT AGUNG KAWASAN

1. TAJUK

- 1.1 Aturan-Aturan ini boleh disebut sebagai “Aturan-Aturan Tetap Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad”.
- 1.2 Aturan ini dibuat di bawah Undang-undang Kecil 83.

2. TUJUAN

Tujuan Aturan-Aturan diwujudkan ialah untuk memastikan bahawa Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi ini berjalan dengan licin dan teratur.

3. TAFSIRAN

Di dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“anggota” ertinya seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 15(1);

“Aturan” ertinya sesuatu peruntukkan dalam Aturan-Aturan;

“Aturan-Aturan” ertinya “Aturan-Aturan Tetap Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad” dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“kawasan perwakilan” ertinya sesuatu kawasan perwakilan yang ditentukan di bawah “Aturan-Aturan Bagi Menentukan Kawasan Perwakilan Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad”;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang padanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan dibawah seksyen 2 Akta, dan dibentuk menurut undang-undang kecil 35(1) serta tertakluk kepada undang-undang kecil 33 dan 37;

“mesyuarat agung kawasan” ertinya mesyuarat seperti ditafsirkan dalam undang-undang kecil 25(1);

“mesyuarat agung perwakilan” ertinya mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas Koperasi ini seperti diperuntukkan dalam undang-undang kecil 24;

“perwakilan” ertinya wakil anggota-anggota individu, yang dipilih di mesyuarat agung peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan Koperasi ini;

“undang-undang kecil” ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya;

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

4. NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN

- 4.1 Lembaga hendaklah memberi notis sekurang-kurangnya lima belas hari kepada semua anggota yang tinggal di dalam sesuatu kawasan sebelum mesyuarat agung kawasan diadakan dan notis itu hendaklah menyatakan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat. Notis ini hendaklah disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah, mengikut keputusan Lembaga kepada tiap-tiap anggota di alamatnya yang terakhir didaftarkan di pejabat Koperasi ini atau disiarkan di dalam satu atau lebih media masa. [Undang-undang Kecil 25(3)].
- 4.2 Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 15 pada dua bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan. [undang-undang kecil 25(4)].

5. PERHIMPUNAN

- 5.1 Anggota-anggota hendaklah berhimpun pada satu tempat dan masa seperti mana yang dinyatakan dalam notis mesyuarat.
- 5.2 Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 15 pada dua bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan berhak menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.
- 5.3 Anggota yang cacat cела di sisi undang-undang kecil Koperasi ini tidak layak dan tidak boleh menghadiri mesyuarat agung kawasan.
- 5.4 Bagi mesyuarat agung kawasan yang dipanggil kerana tidak mencukupi korum, (iaitu mesyuarat agung kawasan tertangguh) hanya anggota yang menerima notis pada tarikh notis asal dikeluarkan akan diberi notis untuk mesyuarat agung kawasan tertangguh.
- 5.5 Setiap anggota hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan diri kepada pegawai-pegawai Koperasi yang bertugas sebelum masuk ke dewan mesyuarat. Anggota yang engkar mendaftarkan diri tidak akan dibenarkan menghadiri mesyuarat agung kawasan.
- 5.6 Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung kawasan.
- 5.7 Seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan. Seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman yang akan mengosongkan jawatan hendaklah tetap menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan untuk memilih penggantinya sehingga tamatnya mesyuarat itu.

6. Pengerusi Mesyuarat

- 6.1 Pengelola yang dilantik oleh Lembaga hendaklah berfungsi sebagai Pengerusi mesyuarat agung kawasan sebelum Pengerusi mesyuarat agung kawasan dilantik. Sebelum Pengerusi mesyuarat agung kawasan dilantik Pengelola adalah mempunyai kuasa Pengerusi mesyuarat.
- 6.2 Selepas Pengelola memulakan mesyuarat dan memberi penjelasan yang perlu, mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang Pengerusi mesyuarat dari anggota yang hadir [Undang-undang Kecil 25(7)] dengan cara undi angkat tangan.

- 6.3 Pengelola tidak boleh menjadi pengerusi sesuatu mesyuarat agung kawasan tetapi boleh berfungsi hanya sebagai penasihat sahaja.

7. SETIAUSAHA MESYUARAT

- 7.1 Selepas Pengerusi mesyuarat dilantik, mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang Setiausaha mesyuarat dari anggota yang hadir [Undang-undang Kecil 25(7)] dengan cara undi angkat tangan.
- 7.2 Setiausaha hendaklah merekodkan segala-segala butir perjalanan mesyuarat yang mana hendaklah ditandatangani oleh beliau dan Pengerusi mesyuarat dan, kemudian dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat itu [Undang-undang Kecil 25(7)].

8. AGENDA MESYUARAT

- 8.1 Seperti diperuntukan dalam Undang-undang Kecil 25(ii), perkara yang hendak dibincangkan dan diputuskan di mesyuarat agung kawasan ialah:
- 8.1.1 draf akaun atau jika ada akaun teraudit koperasi;
 - 8.1.2 belanjawan tahunan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - 8.1.3 cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-Aturan aktiviti, jika ada;
 - 8.1.4 melantik perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan; dan
 - 8.1.5 usul daripada Lembaga dan anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh hari sebelum mesyuarat agung kawasan itu.

9. KELAYAKAN UNTUK MENJADI WAKIL

- 9.1 Hanya seorang anggota yang telah menjelaskan bayaran masuk, yuran bulanan sekurang-kurangnya 3 bulan dan harga penuh sekurang-kurangnya lima puluh saham sebelum mesyuarat agung kawasan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi perwakilan [Undang-undang Kecil 15(1)].
- 9.2 Anggota Lembaga dan anggota Jawatankuasa Audit Dalaman tidak boleh dilantik sebagai wakil daerah/kawasan [Undang-undang Kecil 25(2) dan (9)].
- 9.3 Hanya anggota yang hadir di mesyuarat agung kawasan boleh dicalonkan sebagai perwakilan.
- 9.4 Seorang perwakilan terus memegang jawatannya selagi ia terus menjadi seorang anggota sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Ia boleh dipilih semula [Undang-undang Kecil 25(5)].
- 9.5 Seorang perwakilan yang berhenti menjadi anggota atau menarik diri dari menjadi perwakilan akan hilang hak perwakilan kawasan yang berkenaan [Undang-undang Kecil 25(5)].

10. KORAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

Koram bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu pertiga daripada jumlah

anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam sesuatu kawasan. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu bilangan anggota-anggota yang hadir belum cukup, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan. Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti diperuntukan di dalam fasal (3) undang-undang kecil ini. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki di bawah fasal ini, maka berapa sahaja bilangan anggota yang hadir dianggap mencukupi kuorum dan bilangan perwakilan yang dipilih tertakluk kepada fasal (2) Undang-undang Kecil 25.

11. PEMILIHAN WAKIL

- 11.1 Seseorang anggota hendaklah dicadang dan disokong sebagai perwakilan kawasan oleh anggota-anggota yang hadir semasa mesyuarat agung kawasan.
- 11.2 Seberapa ramai calon boleh dikemukakan di sesuatu mesyuarat agung kawasan.
- 11.3 Pemilihan perwakilan hendaklah dijalankan dengan undi sulit.
- 11.4 Mesyuarat agung kawasan hendaklah melantik beberapa anggota sebagai pengira undi di mesyuarat agung kawasan dan jumlahnya hendaklah ditetapkan berpandukan kepada jumlah anggota yang hadir dan jumlah calon yang dikemukakan.
- 11.5 Pengerusi mesyuarat akan mengisytiharkan nama-nama perwakilan yang berjaya dipilih sebagai perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan.

12. TATATERTIB

- 12.1 Seseorang anggota yang hendak berucap hendaklah mengangkat tangan di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang anggota tidak boleh berucap melainkan setelah dibenarkan berbuat demikian oleh Pengerusi.
- 12.2 Jika dua atau lebih daripada dua orang anggota mengangkat tangan serentak, maka Pengerusi hendaklah membenarkan anggota yang dahulu sekali terpendang olehnya.
- 12.3 Anggota yang dibenarkan berucap oleh Pengerusi hendaklah terlebih dahulu menyebut nama dan nombor keanggotaannya. Anggota hendaklah memulakan ucapan dengan "Tuan Pengerusi".
- 12.4 Seseorang anggota tidak boleh berucap lebih daripada sekali dalam sesuatu perkara kecuali kerana menjawab kepada hujah-hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan iaitu bagi pencadang sesuatu usul tersendiri. Tetapi disyaratkan iaitu, dengan tidak hilang haknya berucap kemudian, sebarang anggota boleh menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun serta menyatakan hasratnya untuk menyokong usul atau pindaan itu.
- 12.5 Seseorang anggota yang telah berucap dalam satu-satu perkara itu boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran kefahaman tetapi tidak boleh dikeluarkan sebarang perkara baru.
- 12.6 Seseorang anggota yang telah berucap boleh berucap sekali lagi apabila sesuatu perkara baru dikemukakan oleh Pengerusi, umpamanya cadangan hendak membentangkan pindaan atau usul hendak menangguhkan perbahasan.

- 12.7 Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota yang sedang bercakap kecuali:
- 12.7.1 jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang berucap itu hendaklah duduk dan anggota yang menunggu itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkannya buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan perkara itu kepada Pengerusi memutuskannya; atau
 - 12.7.2 jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh anggota yang sedang berucap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang berucap itu mahu beralah dan duduk dan anggota yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

13. ISU-ISU UCAPAN

- 13.1 Seseorang anggota hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak berhasil dengan perkara yang dibincangkan itu.
- 13.2 Seseorang anggota tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah atau siasatan polis sekiranya pada timbangan Pengerusi penyebutan harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu.
- 13.3 Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh mesyuarat agung kawasan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat agung kawasan berkenaan dengan perkara itu.
- 13.4 Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang anggota menggunakan bahasa biadab.
- 13.5 Seseorang anggota tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas orang lain.
- 13.6 Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat orang lain.
- 13.7 Adalah salah pada Aturan-Aturan menggunakan:
 - 13.7.1 perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - 13.7.2 perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan;
 - 13.7.3 perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan Malaysia atau Akta Hasutan, 1948.
- 13.8 Seseorang anggota itu tidak boleh berucap atas perkara yang lain melainkan dari perkara-perkara yang dibentangkan dalam mesyuarat.
- 13.9 Jika pada timbangan Pengerusi bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan lagi di atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar Aturan ini, maka Pengerusi berkuasa boleh menolak usul atau pindaan itu ikut mana yang dikehendaki, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak boleh dibahaskan lagi.

14. KUASA Pengerusi

- 14.1 Sekiranya Pengerusi meminta seseorang anggota menghormati Aturan-Aturan ini dan tatatertib mesyuarat maka ianya hendaklah dipatuhi.
- 14.2 Sekiranya Pengerusi mengucap atau mengganggu seorang anggota yang sedang berucap anggota yang sedang berucap hendaklah memberhentikan ucapannya dan duduk semula dan lain anggota-anggota tidak dibenarkan berucap sehingga mesyuarat dimulakan semula.
- 14.3 Keputusan Pengerusi terhadap apa jua yang berkaitan dengan Aturan-Aturan ini dan tatatertib atau sebarang penjelasan adalah muktamad.
- 14.4 Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang berdegil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujahnya anggota lain dalam sesuatu perbahasan boleh memerintahkan anggota itu suruh berhenti bercakap.
- 14.5 Pengerusi mempunyai hak memerintahkan seseorang anggota keluar dari majlis mesyuarat jika ia tidak mematuhi keputusan Pengerusi atau Aturan-Aturan ini seperti mengganggu lain yang sedang berucap.
- 14.6 Seseorang anggota yang diarahkan meninggal mesyuarat atas sebab-sebab melanggar Aturan-Aturan ini tidak akan dibenarkan menyertai mesyuarat semula selagi yang berkenaan tidak meminta maaf dan diterima oleh Pengerusi.
- 14.7 Pengerusi berhak mengikut budibicaranya mengusir sesiapa sahaja yang didapati membuat gangguan kepada perjalanan mesyuarat setelah memberikan tiga kali peringatan atau amaran.

15. TEMPOH UCAPAN

*Pindaan
MAPT 250606*

Seseorang anggota tidak dibenarkan berucap lebih dari sekali dalam satu-satu perkara melainkan jika ia menjadi pembawa usul itu yang berhak untuk memberi jawapan atau penjelasan terhadap usul asal itu. Tetapi apabila pindaan telah dibuat maka seseorang anggota boleh dibenarkan berucap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu walaupun ia telah berucap atas usulnya yang asal itu. Masa yang dibenarkan untuk membuat sebarang ucapan hendaklah tidak melebihi 5 minit. Walau bagaimanapun Pengerusi mengikut budibicaranya boleh melanjutkan tempoh ucapan oleh anggota yang berkenaan.

16. USUL TERGEMPAR

*Pindaan
MAPT 250606*

Tiada sebarang usul tergempar atau tanpa notis boleh ditentukan mengenai perkara yang tidak ada dalam agenda.

17. PENGANTUNGAN PERATURAN TETAP

- 17.1 Tiada sebarang Aturan-Aturan ini yang berasaskan Undang-undang Kecil Koperasi ini yang boleh digantung oleh sebarang mesyuarat agung.

- 17.2. Tertakluk kepada Aturan 15(1) diatas, dalam satu-satu perkara yang mustahak, Pengerusi bolehlah menerima satu-satu usul untuk menggantungkan sesuatu dari Aturan-Aturan ini. Anggota yang mengemukakan usul itu mestilah menyatakan dengan jelasnya terhadap peri mustahaknya perkara-perkara itu dan bilangan Aturan yang terlibat dalam Aturan-Aturan ini. Tiada sebarang pengantungan boleh dikuatkuasakan melainkan dengan memperolehi dua pertiga undi daripada bilangan anggota yang hadir.

18. BAHASA

Bahasa yang digunakan dalam mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia, tetapi Bahasa Inggeris boleh digunakan jika diizinkan oleh Pengerusi.

19. TIDAK MEMATUHI PERUNTUKAN PERATURAN INI

Sesuatu mesyuarat agung kawasan atau sebarang keputusan yang dibuatnya tidak boleh menjadi tak sah semata-mata oleh sebab kemungkiran mematuhi mana-mana peruntukan Aturan-Aturan jika didapati bahawa mesyuarat itu telah dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam peruntukan itu, dan kemungkiran itu tidak pula menyentuh keputusan itu.